

**D.R. 28/92**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (2) Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen boleh dari semasa ke semasa dengan undang-undang mengubah kadar-kadar pemberian mengikut bilangan orang yang terdapat dalam Bahagian 1 Jadual Kesepuluh;

DAN BAHAWASANYA menurut Fasal (4) (b) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan apa-apa pindaan kepada Perlembagaan yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penjalanan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberi kepada Parlimen oleh mana-mana peruntukan Perlembagaan, selain daripada Perkara 74 dan 76, adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Fasal (3) Perkara 159;

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang

bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1992 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

Pindaan Bahagian I Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan.

2. Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a), (b), (c) dan (d) subseksyen 1(1) dengan yang berikut:

- "(a) bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar \$60.00 bagi tiap-tiap seorang;
- (b) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$8.50 bagi tiap-tiap seorang;
- (c) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$9.00 bagi tiap-tiap seorang;
- (d) bagi yang selebihnya mengikut kadar \$9.50 tiap-tiap seorang,".

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah kadar-kadar pemberian mengikut bilangan orang kepada setiap Negeri mengikut struktur kadar yang baru. Maksud pengubahan itu ialah untuk menambah pemberian-pemberian mengikut bilangan orang yang diberi kepada Negeri-Negeri dan untuk memastikan layanan yang lebih adil bagi Negeri-Negeri yang ramai penduduk.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan sehingga \$100 juta.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1712.]